

| | | | |
|------------|--|-------------|--------------------|
| Headline | Pantai Timur sumbang RM3 juta kepada TH Travel | | |
| MediaTitle | Kosmo | | |
| Date | 22 May 2014 | Color | Black/white |
| Section | Niaga | Circulation | 218,251 |
| Page No | 58 | Readership | 654,753 |
| Language | Malay | ArticleSize | 71 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 874 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,622 |



Pantai Timur sumbang RM3 juta kepada TH Travel

KOTA BHARU— Lembaga Tabung Haji melalui anak syarikatnya, TH Travel and Services Sdn. Bhd. menyasar nilai jualan sebanyak RM3 juta bagi pakej pelancongan serta umrah dan haji di kawasan Pantai Timur merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Pengurus Wilayah Timurnya, Ahmad Zawawee Mohd. Nor berkata, pada tahun lepas nilai jualan di kawasan tersebut adalah sebanyak RM1.2 juta.

"Sehingga Mei ini, kami sudah mencapai RM800,000 dan kami yakin ia mampu mencapai sasaran memandangkan terdapat dua musim cuti persekolahan akan datang ini," katanya kepada *Bernama* ketika ditemui di pejabatnya di sini semalam.

Ahmad Zawawee menjelaskan, pakej pelancongan domestik dan antarabangsa yang ditawarkan lebih menumpukan kepada pusat membeli-belah.

"Kita lebih fokus kepada destinasi yang mempunyai banyak pusat beli-belah dan unik kerana majoriti masyarakat kita kini suka membeli-belah.

"Destinasi yang sering menjadi tumpuan masyarakat ialah Seoul, Korea Selatan; Jakarta, Indonesia dan Ho Chi Minh, Vietnam manakala bagi destinasi domestik pula mereka lebih tertumpu di Langkawi, Kedah, Sabah dan Sarawak," katanya.